

KERATAN AKHBAR OGOS 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	Bersatu senasib semangat 46	UTUSAN MS 14	08-Aug-22	RENCANA
2	Tiba masa kembalikan GST	UTUSAN MS 17	11-Aug-22	RENCANA
3	Kemaskini, koordinasi pangkalan data B40 elak ketirisan bantuan	BERITA HARIAN MS 11	11-Aug-22	SEMASA
4	Tiada laporan ajaran Hadi Minallah di Selangor	SINAR HARIAN MS 25	12/08/2022	AGAMA
5	Persiap diri dengan ilmu Al-Quran, sunah hadapi dakyah ajaran sesat	BERITA HARIAN MS 24	13-Aug-22	AGAMA
6	JPKM bantu lebih 20,000 pelajar ke IPT	BERITA HARIAN MS 12	15-Aug-22	KPT
7	Ikutlah jalan Rasulullah SAW	HARIAN METRO MS 15	15-Aug-22	AGAMA
8	Naikkan unjuran KDNK 6.6 peratus	UTUSAN MS 34	15-Aug-22	SEMASA
9	Galak alumni, industri salur dana tampung bakul makanan siswa	BERITA HARIAN MS 12	16-Aug-22	KPT
10	Perkukuh budaya ta'ayush	HARIAN METRO MS 15	16-Aug-22	AGAMA
11	Usah lawan fitrah kejadian	HARIAN METRO MS 15	17-Aug-22	AGAMA
12	Ekonomi kita kukuh	BERITA HARIAN MS 03	25-Aug-22	SEMASA

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: TIADA LAPORAN AJARAN HADI MINALLAH DI SELANGOR

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 25

TARIKH : 12/08/2022

SINAR HARIAN • JUMAAT 12 OGOS 2022

SELANGOR • NEGERI SEMBILAN

Tiada laporan ajaran Hadi Minallah di Selangor

Kerajaan negeriantau,
bendung sebarang
penyebaran ajaran sesat

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SHAH ALAM



MOHD ZAWAWI

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak menerima laporan berhubung penyebaran ajaran sesat Hadi Minallah di Selangor setakat ini.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, kegiatan penyebaran ajaran itu belum dikesan di Selangor, namun perkara itu akan terus dipantau dari masa ke masa.

"Penguatkuasaan JAIS giat melakukan pemantauan dan tindakan

segera bagi membendung sebarang penyebaran ajaran sesat di negeri ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Mohd Zawawi berkata, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor baru sahaja mewartakan dua ajaran sesat dan mengambil tindakan pengisytiharan taubat (Istitabah).

"Dua ajaran sesat sebelum ini telah pun diwarta iaitu ajaran Ibu Yati dan Asma Al Husna.

"Kedua-dua ajaran itu mulanya dikesan di Pahang dan turut berlaku di Selangor, jadi kita telah mewarta dan mengambil tindakan," jelasnya.

Pada 8 Ogos lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad memaklumkan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah mengenal pasti lokasi pusat operasi kumpulan ajaran sesat Hadi Minallah.

Beliau berkata, maklumat berhubung lokasi itu sudah diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) untuk diambil tindakan selanjutnya.

Persiapkan diri dengan ilmu al-Quran, sunah hadapi dakyah ajaran sesat

Oleh Mohammad Zaki Yahpar Yahya
bhagama@bh.com.my



Penolong
Pengarah Kanan,
Bahagian Dakwah,
Jabatan Kemajuan
Islam Malaysia
(JAKIM)

Kebelakangan ini, semakin banyak ajaran dan fahaman menyeleweng yang muncul dan merosakkan pegangan akidah sebahagian umat Islam.

Faktor utama munculnya terlalu banyak ajaran dan fahaman menyeleweng ini sudah tentu kerana kejahilan sama ada dalam kalangan pengikut atau pembawa ajaran sesat.

Kepesatan dan kemudahan teknologi sedia ada juga membantu penyebaran dakwah sesat dan menyeleweng ini sekaligus menambah cabaran dalam usaha menegangkannya.

Kemunculan ajaran sesat dan menyeleweng ini berlaku sejak dari dahulu lagi. Inilah dihadapi sepanjang usaha penyebaran dakwah Islamiah.

Sejak dari zaman Rasulullah SAW lagi ada pihak cuba memesonkan umat Islam daripada landasan sebenar.

Contohnya Musailamah Habib (Musailamah al-Kazzab) mendakwa dirinya nabi. Oleh sebab itu, pada ketika itu, orang yang membawa ajaran sesat seperti mengaku diri sebagai nabi selain daripada Rasulullah SAW, dihukum bunuh.

Imam al-Ghazali pula pada zamannya, berusaha mempertahankan akidah umat Islam daripada dipengaruhi pemikiran falsafah Greek melalui kitabnya *al-Munqiz min Dhalan dan Tuhfatul al-Falasafah*.

Allah SWT menegaskan kebenaran Islam dan kepincangan ajaran lain menerusi firman-Nya bermaksud: *"Sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan lain dari Islam, kerana jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa."* (Surah al-An'am, ayat 153)

Tamak kejar kesenangan dunia

Selain itu, ketamakan mengejar kesenangan dunia juga faktor munculnya ajaran sesat. Pembawa ajaran sesat ini terlalu ghairah mencari pengikut untuk mengumpul kemewahan diri dan mengejar keseronokan duniawi.

Mereka tamak mengumpul harta menerusi sumbangan pengikutnya. Mereka memperdaya orang lain, berdamping dengan jin serta syaitan dan membawa berita palsu sedangkan hakikatnya mereka juga diperdaya.

Inilah disebut Allah SWT sebagai orang rugi seperti firman-Nya dalam Surah Fussilat ayat 25 bermaksud: *"Kami adakan untuk mereka teman rapat (jin dan manusia), lalu teman itu menghiaskan kepada mereka (fahaman sesat) mengenai perkara dunia di hadapan mereka, serta perkara akhirat di belakang mereka; dan (dengan sebab itu) tetaplah hukuman (azab) atas mereka bersama-sama umat (yang sesat) jin dan manusia terdahulu daripada mereka. Sesungguhnya mereka semua golongan rugi (bawaan hidupnya)."*

Usaha membanteras penyebaran ajaran sesat juga diperuntukkan kepada penguat kuasa agama negeri.

Maklumat orang awam melaporkan sebarang perkara pelik dan keganjilan sesuatu ajaran itu membantu pihak berkuasa agama negeri untuk mengambil tindakan segera terhadap pelakunya.

Inilah usaha sinergi perlu digabungkan bagi menyelamatkan akidah umat Islam. Sungguhpun

“Imam Syafie pernah mengungkapkan: “Jika kamu melihat seseorang boleh terbang di udara dan boleh berjalan di atas air, jangan kamu tertipu dengannya sehingga kamu mengukur peribadi dan amalannya dengan pertimbangan neraca al-Quran dan al-Sunah”

ada peruntukan undang-undang bagi pengamal ajaran sesat ini, ia bukan semata-mata menghukum mereka, bahkan matlamat utamanya ialah memulihkan akidah mereka supaya dapat kembali ke landasan ajaran Islam sebenar.

Ia bukan mengutamakan hukuman kepada pesalah, tetapi yang lebih mustahak ialah umat Islam tidak terpengaruh dengan ajaran sesat itu dan berpeluang bertaubat kepada Allah SWT.

Allah SWT berfirman: *"Wahai orang beriman. Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan 'Taubat Nasuha', mudah-mudahan Tuhan kamu menghapuskan kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke Syurga, mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak menghinakan Nabi dan orang beriman bersama-sama dengannya."* (Surah al-Tahrim, ayat 8)

Tanggungjawab umat Islam kini semakin berat. Asasnya, ibu bapa mesti mempersiapkan anak dengan didikan agama mantap.

Kita tidak dapat membayangkan cabaran mereka akan hadapi pada masa akan datang. Namun, sudah tentu ia pasti lebih mencabar.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 15: *"Sesungguhnya orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang benar (pengakuan imannya)."*

Ilmu agama jadi pembeza

Ilmu agama juga menjadi pembeza antara kebenaran dan kebatilan. Tanpa ilmu agama, manusia tidak dapat membezakan sesuatu yang benar atau salah.

Dengan ilmu agama juga, seseorang dapat menilai sesuatu perkara itu sama ada ia berada di atas landasan syariat ataupun tidak. Hasil pertimbangan dan penilaian berdasarkan ilmu ini menjauhkan seseorang daripada terjebak dan terpengaruh dengan ajaran batil.

Setiap kali munculnya ajaran baharu, maka ia perlu dirujuk kepada pihak berkuasa. Justeru, teknologi yang ada sepatutnya dimanfaatkan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Rasulullah SAW memerintahkan umat Islam meninggalkan setiap perkara tidak memberi manfaat.

Daripada Abu Hurairah RA beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: *"Antara kesempurnaan Islam seseorang ialah dia meninggalkan sesuatu yang tidak berkaitan dengannya (tidak berfaedah baginya)."* (HR Tirmizi).


Imam Syafie pernah mengungkapkan: *"Jika kamu melihat seseorang boleh terbang di udara dan boleh berjalan di atas air, jangan kamu tertipu dengannya sehingga kamu mengukur peribadi dan amalannya dengan pertimbangan neraca al-Quran dan al-Sunah."*

Peringatan ini menunjukkan umat Islam perlu berdiri atas landasan dipimpin Rasulullah SAW melalui al-Quran dan hadisnya.

Tindakan mencari landasan lain bermatlamatkan hawa nafsu dan keseronokan diri hanya mengundang kesesatan dan terjerumus ke lembah kehinaan.

Maka, umat Islam tidak ada alasan lagi melainkan perlu memantapkan akidah berlandaskan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dengan menghadiri majlis ilmu di masjid atau surau.

Selain itu, umat Islam perlu cakna dan peka dengan setiap fatwa negeri yang mewartakan ajaran didapati sesat serta menyeleweng daripada pegangan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.



Umat Islam perlu memantapkan akidah berlandaskan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dengan menghadiri majlis ilmu di masjid atau surau.

(Foto hiasan)

GOLONGAN SESAT TOLAK HADIS NABI

Ikutlah jalan Rasulullah SAW

Bersama
Mohd Shahrizal
Nasir

Seseorang akan tergelincir ke lembah kesesatan sekiranya menolak kedudukan hadis dalam Islam



ita adalah umat Rasulullah SAW, meskipun tidak pernah menatap wajah Baginda. Bertemu mata dengan Rasulullah SAW di atas dunia ini bukanlah prasyarat untuk menjadi umatnya. Perkara paling utama untuk menjadi umat Baginda selepas beiman kepada Allah SWT ialah dengan mengimani kerasulannya, melaksanakan petunjuknya dan menyebarkan Islam kepada orang lain.

Allah SWT berfirman dalam al-Quran bermaksud: "Nabi Muhammad ialah Rasulullah; dan orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap golongan kafir yang (memusuhi Islam) dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam)..." (Surah al-Fath, ayat 29)

Sesungguhnya Allah SWT memilih insan bernama Muhammad untuk menjadi rasul yang menerima wahyu Ilahi dan menyebarkannya kepada manusia. Betapa besar rintangan yang dilalui oleh Baginda, bukan sahaja oleh orang luar namun turut melibatkan ahli keluarga Baginda sendiri yang menolak ajaran Islam. Rasulullah SAW pernah dihina oleh masyarakat sekeliling malah darah Rasulullah pernah mengalir keluar daripada tubuhnya kerana penolakan penduduk Ta'if terhadap Islam.

Hari ini kita menerima nikmat Islam. Kita beriman dengan agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW, tanpa kita menyaksikan sendiri pengorbanan baginda. Kita rasai nikmat perjuangan Rasulullah SAW yang mahukan umatnya bahagia di dunia dan akhirat.

Islam tidak hilang di atas muka bumi selepas kewafatan Rasulullah SAW, sebaliknya terus subur dan dipelihara oleh Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam al-Quran bermaksud: "Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu." (Surah al-Ma'idah, ayat 3)

Kita perlu sedar Rasulullah adalah insan istimewa yang menjadi pilihan Allah SWT dalam urusan agama. Meskipun kita tidak pernah menemui Baginda, namun kecintaan kita kepada Baginda mestilah melebihi kecintaan kita kepada sekalian manusia lain. Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: "Tidak sempurna iman salah seseorang di antara kamu sehingga aku



BAGINDA Rasulullah SAW adalah insan paling berautoriti mengenai Islam dari awal penurunannya sehingga ke Hari Kiamat.

(Rasulullah) lebih dicintainya daripada bapanya, anaknya serta serta seluruh manusia." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Mungkin ada pihak yang menganggap tokoh agama yang mereka kagumi itu adalah yang terbaik. Ingatlah bahawa kedudukan Rasulullah SAW mestilah mengatasi ketokohan sesiapa sahaja daripada kalangan manusia. Usaha terlalu taasub sehingga akhirnya si guru tersebut sentiasa berada dalam hati mereka melebihi ingatan terhadap Rasulullah SAW. Agama Islam diturunkan menerusi wahyu secara langsung kepada Rasulullah SAW. Justeru Baginda adalah insan paling berautoriti mengenai Islam dari awal penurunannya sehingga ke Hari Kiamat.

Ingatlah apabila bercakap tentang Islam, sekiranya kita rasa ada insan lain yang lebih hebat daripada Rasulullah, atau ada tokoh lain yang dekat di hati selain Rasulullah atau ada kata-kata orang lain yang lebih dipercayai daripada kalam Rasulullah, percayalah ada sesuatu yang tidak kena dalam diri kita. Cintailah Rasulullah SAW melebihi insan lain dan sebarikanlah sabda Baginda yang kesemuanya menjelaskan Islam.

Allah SWT berfirman yang maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku (Rasulullah), nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Surah Ali 'Imran, ayat 31)

Pada masa sama, Rasulullah SAW sendiri melarang sahabat untuk berlebihan dalam

menyanjungi Baginda. Hal ini bukan bermakna kita boleh memandang rendah kepada Baginda, namun maksud yang perlu difahami ialah tentang adanya batasan yang perlu dipatuhi tatkala menyanjung atau memuji manusia selain daripada Rasulullah SAW.

Sabda baginda SAW dalam hadisinya bermaksud: "Janganlah kalian menyanjung aku (Rasulullah) secara berlebihan, sebagaimana kaum Nasrani menyanjung Isa bin Maryam. Aku hanyalah hamba-Nya, maka katakanlah: Hamba Allah dan Rasul-Nya." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Cabaran akhir zaman ini menunjukkan ada usaha dilakukan oleh pihak tertentu yang cuba mengelirukan umat Islam. Timbul beberapa ajaran sesat yang menolak hadis Rasulullah SAW yang merupakan antara sumber berautoriti dalam pendalilan hukum-hakam Islam. Ada ajaran sesat yang berusaha menyebarkan keraguan tentang kesahihan status hadis-hadis Rasulullah SAW dengan melemparkan tuduhan palsu terhadap jalur periwayatan (sanad) hadis yang sampai kepada kita pada hari ini.

Pandangan meleset sesetengah pihak yang mengatakan bahawa umat Islam hari ini tidak boleh memahami hadis secara terus juga boleh menimbulkan persepsi kata-kata Rasulullah SAW sukar untuk difahami oleh manusia. Ini bertentangan dengan mukjizat Rasulullah SAW yang menunjukkan sabda Baginda adalah fasih, jelas dan mudah difahami. Memang benar, orang awam perlu bergantung kepada penjelasan alim ulama dalam

memahami nas hadis namun keadaan tersebut tidak boleh menjadikan umat Islam tidak yakin untuk berinteraksi (mengambil manfaat) dengan hadis Rasulullah SAW atau tidak menjadikan hadis sebagai pegangan penting dalam urusan agama.

Meskipun Rasulullah SAW berketurunan Arab dan hadis Baginda kesemuanya dalam bahasa Arab tetapi kandungan sabda Baginda tidak boleh diletakkan pada kedudukan yang sukar untuk difahami. Kesukaran untuk memahami nas hadis boleh menyebabkan orang awam menjauhi hadis Rasulullah SAW sehingga akhirnya dikhuatiri boleh merendahkan kepentingan dan kedudukan hadis.

Kekangan untuk memahami hadis Rasulullah perlu diatasi dengan sentiasa mencari jalan untuk menimba ilmu daripada kalangan alim ulama. Seseorang tidak akan dapat mendirikan solat sekiranya tidak berusaha memahami hadis Rasulullah SAW tentang tatacara pelaksanaan solat. Itulah kepentingan hadis yang tidak boleh disangkal. Oleh itu, pandangan seorang pelopor ajaran sesat yang mengatakan tidak ada dalam al-Quran penerangan tentang Rasulullah SAW menaiki binatang Buraq ketika peristiwa Isra' dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa lalu beliau menolak fakta tersebut adalah berpunca daripada penolakannya terhadap hadis.

Jelaslah bahawa seseorang akan tergelincir ke lembah kesesatan sekiranya menolak kedudukan hadis dalam Islam. Kesan buruknya pula menyebabkan seseorang akan menjadikan 'individu' tertentu sebagai contoh ikutan dan menolak kedudukan Rasulullah sebagai utusan Allah. Walau apapun dakwah yang datang, pastikan Rasulullah SAW tetap menjadi contoh ikutan dengan sabdanya diiktiraf sebagai paling berautoriti dalam Islam selepas al-Quran.

Ikutlah jalan Rasulullah SAW, nescaya kita akan menemui keredaan Allah. "Katakanlah (wahai Muhammad): Inilah jalanku, aku dan orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (daripada segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku daripada golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain." (Surah Yusuf, ayat 108)


Penulis Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin

MENGHIDUPKAN SIKAP BERTOLAK ANSUR

Perkukuh budaya ta'ayush



Bersama
Mohd Rizal
Azman Rifin



Sebagai umat Islam, usahlah kita dikongkong dengan konsep yang menyempitkan pandangan sehingga menimbulkan ketegangan sesama warga

Negara kita yang tercinta ini berdiri megah dengan pacuan kemajuan pesat adalah berkat adanya jaringan kerjasama dan sikap saling bertoleransi sesama warganya. Meskipun, tanah air kita dihuni oleh pelbagai bangsa dengan anutan pegangan agama yang berbeza dan amalan budaya hidup yang berbeza, tetapi itu bukan tembok penghalang dalam menegakkan sebuah negara yang aman, harmoni dan sejahtera.

Jelas bahawa masyarakat Malaysia khususnya bangsa Melayu/Islam sentiasa meniti kehidupan bersosial dan bernegara dalam landasan budaya ta'ayush yang direcai Allah atau lebih tepat boleh kita simpulkan bahawa masyarakat Islam menjunjung tinggi saranan dalam fiqh ta'ayush. Apakah yang dimaksudkan sebagai fiqh ta'ayush itu?

Tidak lain, fiqh ta'ayush itu merupakan ilmu dan pemahaman dalam menerima situasi kepelbagaian dan kewujudan golongan lain, meskipun berlainan bangsa, agama dan budaya hidup. Negara pasti menjadi sebuah 'negara gagal' sendainya rakyatnya saling hidup bermusuhan dan tidak mampu menghidupkan sikap bertolak ansur.

Sudah banyak negara di dunia hari ini mengalami nasib malang apabila situasi kehidupan rakyat sentiasa dihipit dengan pergolakan sesama warganya. Malahan, dalam sebuah negara Islam yang hampir 100 peratus beragama Islam sekalipun, sekiranya sikap bersatu padu gagal diimplementasikan, maka akan huru-hara dan merosot kemajuannya.

Justeru, sebagai rakyat yang inginkan kehidupan aman, harmoni, sejahtera, maka perlu sikap saling bersatu diperkukuhkan. Sebarang perbuatan yang boleh menghiris perasaan dan sensitiviti bangsa dan agama lain semestinya dihindari sejauhunya.

Kita sebagai umat Islam tentunya tidak ingin menyaksikan babak hitam yang penuh duka sepertimana nasib malang saudara-saudara kita di negara luar sana turut tertempias sama di tanah air kita ini. Tentunya kita menginsafi betapa sukar hidup dalam persekitaran yang bergolak dengan persengketaan. Kita sudah tentu tidak mahu kelangsungan beramal ibadah terganggu.

Sikap saling memahami dan bertoleransi sesama warganya adalah nadi kepada terbina sebuah masyarakat dan negara



HIDUP di tanah air yang berbagai bangsa dan agama ini adalah satu realiti yang mesti diterima dengan ikhlas hati.

yang sejahtera dan maju. Mustahil negara kita mampu muncul sebagai sebuah negara membangun tanpa kerjasama antara rakyat tidak dapat direalisasikan dengan sepenuh jiwa raga.

Ingatlah Allah tidak akan mengubah apapun keadaan sesebuah negara itu sekiranya kita sebagai rakyat jelata tidak memainkan peranan secara bersama. Bergerak dalam satu gerak langkah tanpa dibayangi rasa prejudis sesama warga. Ingatlah firman Allah dalam **Surah Ar-Rad ayat 11** yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa-apa yang ada pada diri mereka."

Jadi, berdasarkan maksud ayat itu menunjukkan bahawa usaha mengubah untung nasib kehidupan sesama rakyat jelata juga perlu dilakukan dengan komited tinggi bernadikan ikatan persaudaran yang utuh. Usah dibiarkan aspek kepelbagaian bangsa, anutan agama dan budaya menjadi penyebab terbagkit rasa saling membenci yang natijah amat parah.

Sebagai umat Islam, usahlah kita dikongkong dengan konsep yang menyempitkan pandangan sehingga menimbulkan ketegangan sesama warga. Berpijak di bumi nyata bahawa kita hidup dalam corak kemasyarakatan yang pelbagai.

Jadi, di sinilah letak peri pentingnya kita memahami ilmu fiqh al-Ta'ayush agar kita menjadi rakyat jelata yang sentiasa mendukung erat semangat kebersamaan demi memajukan negara. Firman Allah dalam



Surah al-Mumtahanah ayat 8 perlu sentiasa kita ingati dalam kehidupan bersama sesama masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Allah berfirman yang bermaksud: "Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."

Hidup di tanah air yang berbagai bangsa dan agama ini adalah satu realiti yang mesti diterima dengan ikhlas hati. Sekali lagi wajar kiranya kita membelek kembali al-Quran untuk memahami apa yang telah dinyatakan oleh Allah berkenaan aspek kepelbagaian bangsa itu sepertimana terakam dalam **Surah al-Hujurat ayat 13** yang bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami

telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)."

Tambahan pula kita sedang berada dalam abad ke-21. Negara kita rancak mengagendakan pelbagai perancangan demi muncul sebagai sebuah negara berjaya dalam kesejahteraan kehidupan rakyatnya. Misalnya, kerajaan dilaporkan oleh media perdana sebanyak RM5.5 bilion akan diperuntukkan bagi membangunkan pelbagai program penyelidikan dan pembangunan yang bersifat inovasi berimpak tinggi. Mampukah beranda pembangunan itu dilaksanakan dengan jayanya, sekiranya kita sebagai rakyat tidak mampu hidup bersatu dalam satu ikatan perpaduan yang kukuh?

Alhamdulillah syukur, kerana negara kita juga mempunyai satu lagi jenama prinsip hidup yang berkonsepkan 'Keluarga Malaysia' yang mengajak seluruh rakyat untuk hidup bernaungan panji-panji kebersamaan dalam semangat kekitaan yang padu.

Kita mendoakan semoga kehidupan seluruh warga tanah air dapat hidup aman sejahtera dan menghindari apa jua isu yang mampu mencetuskan rasa duka kepada pihak lain. Tentunya kita juga sentiasa mendoakan agar Allah melimpahkan rahmat-Nya kepada negara yang kita sama-sama cintai ini. Amin.

**Penulis Pensyarah Kanan
Jabatan Kejuruteraan
Mekanikal, Politeknik
Muadzam Shah**

UNDANG KEMURKAAN ALLAH SWT

Usah lawan *fitriah* kejadianBersama
Dr Zuraimy Ali

Kejadian yang terbaik diciptakan Tuhan buat manusia maka janganlah dilakukan perubahan terhadap ciptaan Tuhan bagi memenuhi desakan hawa nafsu semata-mata

I su menyerupai atau mengubah jantina seperti wanita kepada lelaki mahupun lelaki kepada wanita merupakan perkara yang dilarang dalam Islam. Allah SWT telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian namun masih ada dalam kalangan masyarakat yang terikut dengan sebahagian budaya dan amalan songsang Barat yang sanggup mengubah jantina semata-mata memenuhi kepuasan nafsu tanpa melihat kepada ketetapan hukum Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus." (Surah At-Tiin, ayat 4-6). Justeru sebagai seorang Mukmin sepatutnya memelihara dan menerima kejadian yang telah dianugerahkan Allah SWT kepada manusia. Kejadian manusia merupakan kejadian yang terbaik yang diciptakan Tuhan buat manusia maka janganlah dilakukan perubahan terhadap ciptaan Tuhan bagi memenuhi desakan hawa nafsu semata-mata.

Sebagai Muslim kita seharusnya mengambil perhatian serius terhadap isu ini memandangkan jika tidak dicegah dan dibanteras ia akan menjadi satu amalan budaya yang songsang dalam masyarakat. Lebih parah apabila hal ini dipandang satu perkara yang biasa bagi golongan yang mahu menukar jantina. Menjadi kewajipan bagi setiap Muslim untuk menegur dan memberikan nasihat sokongan kepada golongan tersebut supaya tidak bertindak dengan lebih melampau sehingga mengotorkan pandangan masyarakat terhadap kemurniaan ajaran Islam. Beberapa kes yang telah dilaporkan sebelum ini menampilkan golongan ini cuba membawa imej penghinaan terhadap Islam apabila melakukan ibadat di Makkah dengan berpakaian yang jelas tidak mengikut syariat Islam berdasarkan keperluan jantina.

Terdapat perbincangan hukum



Allah SWT menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian namun masih ada dalam kalangan masyarakat yang terikut dengan budaya dan amalan songsang masyarakat Barat.

fekeh berkaitan dengan isu sama ada menyerupai, mengubah rupa bentuk ataupun mengubah jantina. Antaranya perbincangan mengenai tasyabuh iaitu penyerupaan seorang yang dihukumkan haram berdasarkan keterangan hadis Nabi SAW yang bermaksud: "Nabi SAW telah melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki." (Hadis riwayat Al-Bukhari). Jika menyerupai wanita sudahpun difatwakan haram apatah lagi jika seseorang itu mengubah jantina. Selain itu, ada riwayat yang dinyatakan melalui hadis Nabi SAW yang melarang seseorang lelaki memakai pakaian wanita dan sebaliknya. Ini berdasarkan keterangan Hadis Nabi SAW yang bermaksud: "Rasulullah SAW telah melaknat orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan orang perempuan yang memakai pakaian lelaki." (Hadis riwayat Abu Daud). Al-Imam al-Zahabi berkata: "Apabila wanita memakai pakaian yang dipakai oleh lelaki dan berlagak seperti seorang lelaki, dengan pakaiannya yang serba sempit, yang kelihatan jelas bentuk tubuh badannya, maka yang demikian itu dia sudah menyerupai lelaki dan dia sudah berhak menerima kutukan Allah SWT dan Rasul-Nya.

Islam sangat memandang serius perbuatan seseorang yang dianggap menyalahi dan melanggar fitrah kejadian manusia yang telah ditentukan Allah SWT. Justeru pihak

berkuasa agama Islam negeri perlu menguatkuasakan undang-undang berdasarkan ketetapan fatwa yang telah diputuskan berkaitan dengan isu ini. Hal ini kerana adalah jelas ia dapat memberi kesan dan mudarat yang besar terhadap persepsi pihak jabatan agama Islam dan mengganggu gugat kerukunan dalam sesebuah masyarakat. Jika tiada tindakan yang tegas untuk diambil bagi membanteras gejala yang tidak sihat ini maka budaya atau amalan yang menyalahi syariat agama ini akan dianggap normal sekaligus akan menjadi satu fenomena yang mampu meracuni anak-anak muda terhadap tindakan dan perlakuan songsang tersebut. Bagi masyarakat awam yang mempunyai kesedaran agama dan moral yang tinggi dengan memberikan nasihat dan khidmat sokongan bagi mereka yang mula terjebak dan masih di peringkat awal supaya dapat dipulihkan kembali serta menerima takdir ketentuan kejadian asal yang menjadi fitrah ke atasnya. Namun jika nasihat dan teguran tidak diendahkan, maka kewajipan pihak berkuasa perlu bertindak pantas bagi menyelamatkan generasi kini supaya tidak menjadi barah dalam peradaban masyarakat Islam yang sentiasa menjunjung tinggi kehormatan insan serta mengangkat nilai dan budaya yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia selari dengan ketetapan hukum syariat.

Sebagai kesimpulannya, jika ada segelintir daripada saudara kita yang mempunyai kecenderungan untuk menyerupai atau mengubah jantina maka tugas kita ialah memberikan khidmat bantuan dan sokongan sebahagian melalui pelbagai cara dan kaedah bagi memastikan mereka mampu untuk kembali ke pangkal jalan. Namun jika ada yang mengalami masalah kekeliruan atau gangguan identiti jantina maka rawatan yang sesuai perlu diberikan bagi merawat penyakit tersebut. Ini disebabkan terdapat sebahagian daripada mereka yang mempunyai gangguan tersebut maka penyelesaiannya perlu kepada rawatan klinikal. Justeru, bagi golongan yang sengaja menzahirkan penyerupaan atau mengubah kejadian Tuhan dengan melanggar batasan syariat maka ingatlah bahawa kemurkaan Allah SWT lebih berat untuk ditakuti oleh setiap manusia. Oleh itu, wahi saudaraku yang dikasihi kembalilah ke jalan yang diredai Allah SWT bukan jalan yang akan mengundang kemurkaan Allah SWT. Ingatlah bahawa masih ada ruang untuk berubah kembali kepada fitrah kejadian yang asal. Semoga kita semua dilindungi Allah SWT dan sentiasa diberikan petunjuk-Nya.

Penulis Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari Universiti
Teknologi Mara
cawangan Perlis



Oleh MOHD. DAUD MAT DIN
& BENEDICT WEERASENA

Tiba masa kembalikan GST?

GST - sistem cukai barangan dan perkhidmatan yang sarat dengan kontroversi.

Sistem cukai yang dikatakan telah menyumbang kepada kejatuhan kerajaan Barisan Nasional (BN) selepas pemerintahan lebih 60 tahun. Sistem cukai yang kurang popular dalam kalangan rakyat kebanyakan. Sistem cukai yang mampu mencetuskan kebimbangan dan keresahan pelbagai pemegang taruh di negara ini.

Namun, sekiranya kita melihat dari perspektif hasil dan kedudukan fiskal semata-mata, GST terbukti berupaya menjadi salah satu rejim cukai yang menjana hasil tambahan berkesan dan cekap untuk negara. Sumbangan GST kepada hasil negara adalah hampir dua kali ganda (20.1% pada 2017), berbanding cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang hanya mampu menyumbang 11.9 peratus kepada hasil negara pada 2020.

Selain itu, GST adalah sistem percukaian yang cekap dan telus kerana mewujudkan jejak telus merentasi keseluruhan rantaian bekalan. Hal ini menjadikannya lebih sukar bagi komuniti perniagaan untuk mengelak atau lari daripada membayar cukai.

Sebaliknya, SST dilihat mempunyai risiko dan peluang ketirisan lebih tinggi. Malah, dari segi rekod dan pelaporan juga, golongan peniaga beranggapan sistem SST lebih mengelirukan dan tidak telus.

Namun, sekiranya sistem cukai ini hendak dilihat dalam konteks lebih mencapah dan pelbagai, antara persoalan kritikal perlu diketengahkan ialah mengapa GST tidak mendapat sambutan dan ditolak (jika diukur berdasarkan keputusan PRU14) secara besar-besaran semasa kali pertama pelaksanaannya?

Pada pendapat kami, antara sebab utama GST ditentang adalah kerana kelemahan tanggungjawab fiskal dari segi ketirisan perbelanjaan hasil kutipan. Perkara ini secara tidak langsung mencipta



PADA pandangan penulis, antara sebab GST ditentang kerana masyarakat merasakan sistem percukaian tersebut tidak selari dengan kehendak dan keperluan mereka.

“Antara sebab utama GST ditentang adalah kerana kelemahan tanggungjawab fiskal dari segi ketirisan perbelanjaan hasil kutipan.”

persepsi dan prejudis berpanjangan ke atas kerajaan sekali gus menafikan sebarang naratif dan fakta yang mewajarkan pelaksanaannya. Naratif bahawa GST sebenarnya tidak diperlukan kalau kerajaan berbelanja dengan lebih cermat berjaya menambat kepercayaan dan sokongan masyarakat.

Kedua, kelemahan pelaksanaan GST turut berpunca daripada kekurangan persediaan rapi dan menyeluruh dalam proses bayaran balik/rebat yang kurang cekap. Ketiga, kadar tunggal enam peratus yang

merentas majoriti barangan dan perkhidmatan juga ‘mengejutkan’ masyarakat dan pasaran.

Keempat, strategi komunikasi yang lalai, lengai, lagi longlai. Proses libat urus awam kurang kelihatan dan masyarakat berasa bahawa GST adalah satu dasar yang tidak selari dengan kehendak dan keperluan mereka.

Penerangan saling bercanggah, mengelirukan serta tidak memberikan gambaran keseluruhan yang betul menyebabkan GST menjadi satu sistem sangat menakutkan dan mudah disalah anggap, terutamanya ketiadaan naratif serta mekanisme jelas dan memudahkan proses peralihan masyarakat. Hal ini membuka banyak ruang spekulasi, khabar angin serta serangan bersifat politik.

VAT

Sekiranya kerajaan merancang untuk mengembalikan pelaksanaan GST, kita perlu mengambil iktibar daripada kesilapan sebelum ini. Strategi, naratif dan pendekatan lebih 170 negara semasa memperkenalkan sistem cukai nilai ditambah (VAT)

masing-masing boleh menjadi rujukan dan suri teladan yang baik untuk kita.

Antara penambahbaikan naratif yang boleh diberikan perhatian adalah keperluan mengutarakan kepentingan GST terhadap kelestarian hasil pendapatan negara. Perkara ini boleh diuraikan dalam beberapa peringkat.

Pertama, perkongsian fakta dan kedudukan semasa fiskal negara dan ketidakupayaan untuk terus bergantung kepada hasil berkaitan petroleum. Kedua, mengangkat pelaksanaan GST sebagai ikhtiar untuk memastikan negara tidak ditinggalkan kepada generasi akan datang dengan bebanan hutang yang besar tanpa sebarang usaha untuk memperluaskan asas cukai negara.

Ketiga, menunjukkan dengan jelas bagaimana pelaksanaan semula GST sebenarnya dapat meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka sederhana dan panjang, seperti dijelaskan dalam *Ringkasan Polisi GST: Penilaian, Keperluan dan Hala Tuju*. Keempat, kerajaan perlu menyediakan

pelan konkrit mengenai pemerkasaan tadbir urus perbelanjaan serta pengurusan kewangan awam yang berhemah dengan penuh akauntabiliti, kecekapan dan ketelusan.

Dari segi fasa pelaksanaan pula, kadar GST yang sesuai perlu dipertimbangkan terutama apabila ekonomi negara masih berada pada landasan pemulihan. Ini bermakna kerajaan tidak semestinya mengenakan peratusan tunggal yang merentas semua jenis dan kelompok barangan/perkhidmatan.

Misalnya, kadar pariti tiga hingga empat peratus untuk menggantikan hasil kutipan SST dahulu boleh menjadi peratusan permulaan sebelum merancang untuk menaikannya beberapa tahun kemudian bergantung kepada keadaan ekonomi. Sebaliknya, kadar yang lebih tinggi bagi barangan bersifat mewah, import dan bukan keperluan boleh dikenakan.

Yang paling penting, strategi pelengkap yang holistik mesti diwujudkan. Ia bertujuan memastikan kesan terhadap perubahan harga adalah minimum dan terkawal. Pada masa sama, aspek kesejahteraan masyarakat awam akan lebih terpelihara.

Contohnya, pengembalian GST dilakukan berserta jaringan keselamatan sosial lebih luas dan bersepadu khususnya yang menyasarkan golongan paling rentan dalam negara. Sistem penyampaian perlu diperkemas agar bantuan sosial sampai kepada mereka yang paling memerlukan. Ketirisan harus diperangi habis-habis, tanpa kompromi.

Akhir sekali, sama ada untuk mengembalikan semula GST atau sebaliknya, prerogatif kerajaan haruslah dipimpin oleh matlamat, naratif serta strategi yang betul. Dasar yang baik sekalipun sukar dan asing, pasti akan disokong. Kami yakin, masyarakat kita semakin cakna dan matang. Kini, tugas kerajaan untuk membuktikan perkara sama.

MOHD. DAUD MAT DIN ialah Pengarah Penyelidikan ZCG Consulting dan BENEDICT WEERASENA ialah Pengarah Penyelidikan Bait Al Amanah.

Rencana

Oleh ZULKIFLI JALIL
zul.jalil@mediamulia.com.my

Bersatu senasib Semangat 46?

DALAM politik, kadangkala lunas logik tidak dipentingkan. Kebanyakan yang jadi ikutan ialah sentimen semata.

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) misalnya dalam kalah teruk pilihan raya negeri (PRN) Melaka dan Johor pun tetap boleh 'sebang' sampai 'gajah pun boleh terbang'. Kata pemimpinnya pada 31 Julai lalu, pihaknya yakin gabungan Bersatu, Pas dan Gerakan menerusi gabungan Perikatan Nasional (PN) akan menang besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) nanti.

Keyakinan cukup tinggi pemimpin itu yang diucapnya pada Majlis Pelancaran PN Peringkat Negeri Terengganu di Masjid Rusila, Marang hanya lima bulan setelah negeri yang datangnya Presiden Bersatu di Johor itu menyaksikan calon-calon Bersatu terkulai di tangan Barisan Nasional (BN).

Keyakinan 'menjulung' Bersatu bukanlah suatu yang pelik kerana nada itu serupa sahaja semasa melancarkan jentera-jentera pilihan raya PN dan Bersatu di Melaka dan Johor tempoh hari. Dan bila sahaja kalah yang bukannya sikit-sikit angka kecundangannya, komennya tetap 'kencang'. Senada pula dengan sekutunya Pas yang setiap kali kalah, melafazkan: "Pas bukan kalah, cuma belum menang sahaja".

Nada 'tinggi' inilah yang tidak ada pada pemimpin dan orang UMNO. Bila sahaja UMNO kalah di tangan calon Pakatan Harapan dalam pilihan raya kecil DUN Sungai Kandis 5 Ogos 2018, Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Mohamad Hasan menyifatkan kekalahan BN itu memberi 'good signal' kepada parti itu kerana jumlah undi diterima calon UMNO tidak jauh berbeza dengan PRU14.

Mengamati Bersatu tanpa kekuatan akar umbi seperti UMNO yang memiliki 191 bahagian dan lebih 20,000 cawangan - kesemuanya ada ketua dan barisan kepimpinannya *solid* tanpa bubar biarpun tumbang 9 Mei 2018 - persoalan timbul



PARTI Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) diketuai Muhyiddin Yassin (kanan) tidak memiliki barisan tokoh seperti dipunyai Parti Melayu Semangat 46 diterajui Tengku Razaleigh Hamzah (kiri) pada 1990an. Tanpa Tun Dr. Mahathir Mohamad (tengah), yang membawa aura kemenangan bersejarah Pakatan Harapan pada 2018, Bersatu patah sayap dalam Pilihan Raya Negeri Melaka, Sarawak dan Johor.

- mampukah presidennya terus menunjangi PN, seterusnya merealisasikan 'kemenangan besar' PRU15 nanti? Apatah lagi dengan gelaran 'parti lompat' dibawa Bersatu, yang sebahagian besar pemimpinnya datang menerusi lompatan dari UMNO dan PKR - dari angka asal 13 kerusi Parlimen yang diraih dalam PRU14, 'ditambah' 23 lagi dalam pasca PRU14, menjadikan 36 kerusi pula?

Malah, setelah akta antilompat parti dijadual berkuat kuasa selewatnya September ini, sekali gus selepas keputusan PRU15 tidak akan ada lagi kelibat 'katak-katak politik' yang akan memberi nyawa kepada parti yang mahu berkuasa ikut pintu belakang, justeru mampukah Bersatu meneruskan survivalnya?

Jika begitu halnya, percayakah lagi ahli-ahli Parlimen Bersatu dengan 'keyakinan menang besar' itu? Atau kalangan mereka sebenarnya sudah mula mencongak-congak untuk menyeberang beramai-ramai ke parti besar seperti UMNO?

Atau mungkinkah juga Bersatu akan senasib Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang akhirnya dibubarkan begitu sahaja selepas ahli-ahli

Parlimen S46 kembali semula ke pangkuan UMNO?

SAMA TAK SERUPA

Sama tapi tak serupa, demikian perbandingan antara S46 dan Bersatu. Tujuan utama S46 ditubuhkan yang didaftarkan pada 5 Mei 1989 ialah untuk memulihkan UMNO asal yang mati di tangan mahkamah. Mereka yang terlibat dalam penubuhan, pengembangan berperingkat S46 serta sokoingan terdiri daripada tokoh-tokoh antaranya Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Sri Rais Yatim, Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Datuk Harun Idris, Rahmah Osman serta beberapa pemimpin yang dikenali ramai. Tidak ketinggalan Datuk Musa Hitam dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (kedua-duanya kini bergelar Tun) serta Shahrir Samad, yang bagaimanapun mereka ini tidak menyertai S46.

Bersatu tidak memiliki barisan tokoh seperti dipunyai S46. Tanpa Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang membawa aura kemenangan bersejarah PH pada 2018, Bersatu patah sayap di PRN Melaka, Sarawak dan Johor.

Berbeza dengan S46 yang menjadi igauan negeri kepada pemimpin dan ahli UMNO yang baru dihidupkan waktu

itu, Bersatu belum ada apa-apa membuktikan kegarangan itu. S46 menghabiskan masa lebih lapan tahun dalam percubaan membangkang apa yang diolah UMNO Baru dalam tempoh itu. Mesej dan perjuangan S46 berkesan dan diterima di Kelantan dan beberapa tempat di pantai Barat Semenanjung. Keputusan PRU 1990 dan 1995 membuktikan perihai ini. Dari segi data rambang, PRU 1995 menghasilkan 4.4 juta undi untuk BN dan 2.23 juta bagi parti-parti pembangkang. Pecahan perolehan undi bagi pembangkang: 437,022 (7.35%) undi untuk Pas dan 604,556 (10.2%) undi bagi S46. DAP pula mendapat 722,176 (12.2%) undi, PBS 194,063 (3.3%) dan PRM 38,242 (0.64%).

Ada pihak berpendapat lapan tahun itu sia-sia belaka. Boleh jadi begitu pada pandangan sesetengah pihak. Tetapi ramai pula berpendapat pengalaman lapan tahun S46 cukup bererti daripada kaca mata perjuangan itu sendiri.

GELAGAT PAS

S46 dapat memahami dari dekat tindak-tanduk Pas di Kelantan dan di lain-lain kawasan luar dari negeri Cik Siti Wan Kembang itu. S46 benar-benar dapat memahami bahawa 'ukhuwah Islamiah', 'Islam sebagai addin' dan

'membangun bersama Islam' misalnya, adalah semata-mata gimik dan helah politik bagi meraih dan mengekalkan pengaruh serta kuasa politik Pas untuk memonopoli kuasa dan pemerintahan.

S46 dapat belajar bahawa istilah Angkatan Perpaduan Ummah misalnya hanya wujud di bibir, tidak pada kertas dan dakwat, tidak dari segi amalan. S46 dengan 12 kerusi DUN dan enam kerusi Parlimen hanya dianggap pelengkap kepada kekuatan Pas dalam memerintah Kelantan. Apabila berhadapan dengan kemungkinan berkuasa, Pas tidak nampak lain - hanya kerusi DUN dan Parlimen untuk mereka.

Mungkinkah UMNO sendiri hari ini sudah membaca 'penangan serupa Pas terhadap S46 itu' dari Muafakat Nasional (MN) yang tidak disepakati secara jujur serta dicurigai oleh seorang dua pemimpin teratas Pas? Dan Bersatu pula barangkali cuak dengan kenyataan berdolak-dalik Pas dalam merencanakan hubungan 'sekejap manis, sekejap masam' dengan UMNO dalam konteks survival MN.

Dengan kembalinya S46 ke pangkuan UMNO secara rasmi pada 6 Oktober 1996, tiada lagi UMNO Baru dan UMNO Lama. Yang ada hanya UMNO - seperti keadaan sedia kala. Majoriti Melayu kembali bersatu di bawah satu panji-panji untuk Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat.

Walaupun ada kalangan pemimpin S46 takut kalau-kalau dipermainkan oleh pimpinan UMNO waktu itu, Tengku Razaleigh dan rakan-rakan seperjuangannya tetap memegang petua yang dicapai antara beliau dengan Dr. Mahathir. Iaitu mereka menyertai UMNO semula bukan untuk apa-apa hajat lain. Tetapi hanya untuk pulang ke pangkal jalan membantu perjuangan asal orang Melayu.

Dan mungkinkah dalam masa terdekat, selewat-lewat bulan depan, rakyat akan menyaksikan berulang satu lagi babak setelah Langkah Sheraton - sekumpulan besar wakil rakyat 'menyeberang' beramai-ramai?



KUALA LUMPUR
(Indeks Komposit)
(+0.63) mata
1,506.19



SINGAPURA
(Straits Times)
(-32.69) mata
3,269.27



TOKYO
Nikkei
(+727.65) mata
28,546.98



NEW YORK
Dow Jones
(+424.38) mata
33,761.05

Indeks hari Jumaat

Naikkan unjuran KDNK 6.6 peratus

Oleh **SHAFIAH SHUKOR**
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Firma penyelidikan, MIDF Research menaikkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini kepada 6.6 peratus daripada 6 peratus, berdasarkan prestasi suku kedua yang berkembang 8.9 peratus, melebihi jangkaan pasaran.

Pertumbuhan pada suku kedua lebih kukuh berbanding suku pertama yang berkembang 5.0 peratus menjadikan pertumbuhan ekonomi pada separuh pertama tahun ini sebanyak 6.0 peratus.

Menurut firma penyelidikan itu, pertumbuhan kukuh pada suku kedua melepasi jangkaan, dengan pasaran dipacu terutamanya oleh aktiviti ekonomi domestik dan pembukaan semula ekonomi.

"Momentum pertumbuhan positif akan berterusan sehingga separuh kedua dengan perbelanjaan pengguna semakin meningkat, aktiviti perniagaan berkembang dan pertumbuhan permintaan luar yang kukuh.

"Penambahbaikan berterusan dalam pasaran buruh dan



PERBELANJAAN pengguna domestik yang meningkat telah memacu pertumbuhan ekonomi negara pada suku kedua tahun ini. - GAMBAR HIASAN

prospek pekerjaan yang lebih baik akan membantu menyokong perbelanjaan pengguna, walaupun pengguna lebih berhati-hati dalam rancangan kewangan dan perbelanjaan mereka sebagai tindak balas ke-

pada kenaikan kos sara hidup. "Tetapi, kami masih kekal bimbang mengenai kemungkinan risiko penurunan terutamanya daripada perkembangan luaran seperti ekonomi China yang lemah, risiko ke-

melesetan dan penurunan mendadak dalam ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan global, ketidakpastian konflik di Ukraine, ketegangan geopolitik dan tekanan inflasi global berikutan kenaikan harga komod-

iti," katanya dalam nota kajian.

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh luar jangkaan sebanyak 8.9 peratus pada suku kedua dipacu permintaan domestik yang kukuh di tengah-tengah pemulihan pasaran pekerjaan.

Walaupun KDNK meningkat sebahagiannya disebabkan oleh asas yang rendah berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP) penuh pada Jun 2021, pertumbuhan pada April dan Mei 2022 menunjukkan prestasi yang kukuh.

Sehubungan itu, Bank Negara Malaysia (BNM) masih kekal dengan unjuran ekonomi berkembang antara 5.3 hingga 6.3 peratus tahun ini yang cenderung ke arah sasaran lebih tinggi.

Gabenor BNM, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd. Yunus berkata, unjuran itu kekal meskipun permintaan luaran dijangka terkesan berikutan pertumbuhan perlahan ekonomi global.

Pertumbuhan KDNK Malaysia pada suku kedua jauh lebih baik daripada apa yang dicatatkan oleh Amerika Syarikat (AS) 1.6 peratus, Singapura (4.4 peratus) dan China (0.4 peratus).

BH Isnin, 15 Ogos 2022

Konvensyen Wanita BN



Ismail Sabri diiringi Pengerusi Wanita BN, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (tiga dari kiri) hadir pada Konvensyen Wanita BN, di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

'Ekonomi kita kukuh'

PM yakin prestasi KDNK negara akan terus berkembang suku ketiga 2022

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yakin prestasi ekonomi negara akan terus berkembang pada suku ketiga tahun ini.

Katanya, keyakinan itu berdasarkan beberapa petunjuk ekonomi yang menunjukkan perkembangan yang membebankangkan.

"Ekonomi negara akan bertambah baik dan saya percaya jika isu perang Russia-Ukraine dapat diselesaikan, ekonomi dunia akan terus pulih.

"Kita (Malaysia) percaya dan (memerhati) tunggu apa yang berlaku akan datang, kita jangka boleh ekonomi kita boleh berkembang lagi di suku ketiga.

"(Walaupun) beberapa pemimpin negara jiran seperti Presiden Joko Widodo (Jokowi) dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, meramalkan jika keadaan berterusan (perang Russia-Ukraine) dari segi inflasi akan meningkat," katanya kepada media selepas hadir sesi Bicara Hati Perdana Menteri pada Konvensyen Wanita BN, di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini semalam.

Jumaat lalu, Bank Negara mengumumkan ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh luar jangkaan sebanyak 8.9 peratus pada suku kedua 2022.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamshiah Mohd Yunus, berkata prestasi itu dipacu permintaan domestik yang kukuh di tengah-tengah pemulihan pasaran pekerjaan.

Katanya, pertumbuhan itu juga lebih kukuh berbanding 5.0 peratus yang dicatatkan pada suku pertama 2022, sekali gus menjadikan pertumbuhan pada separuh pertama 2022 sebanyak 6.9 peratus.

Perkembangan paling tinggi

Ismail Sabri berkata, jika dibuat perbandingan dengan negara ASEAN yang lain, perkembangan ekonomi Malaysia adalah yang tertinggi.

"Singapura mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus, Indonesia 5.4 peratus, manakala Filipina 7.4 peratus, bermakna kita yang tertinggi.

"Malah, prestasi Amerika Syarikat juga lebih rendah dengan 1.6 peratus, Kesatuan Eropah (4.0 peratus), China (0.4 peratus) dan Korea Selatan (2.9 peratus)," katanya.

Beliau berkata, prestasi kadar pengangguran negara juga menunjukkan prestasi lebih baik apabila turun dari 4.3 kepada 3.8 peratus, rendah dari empat peratus atau mencapai prestasi guna tenaga penuh.

"Semua ini menunjukkan kejayaan dasar monetari kita berjaya," katanya.

Perdana Menteri menegaskan usaha membuka semula sektor ekonomi serta pembukaan sempadan juga penyumbang kepada prestasi ekonomi.

"Kerajaan memberi jaminan dan saya sendiri mengumumkan jika ada kes naik kita tidak lagi akan menutup sektor ekonomi dan pintu sempadan, kita kekalkan dasar membuka sektor ekonomi dan tidak akan mengundur.

"Satu masa kita sudah buka tetapi tutup semula dan ini menyebabkan kita hilang kepercayaan jadi kali ini kita beri jaminan dan ini meningkatkan keyakinan pelabur dalam dan luar negara.

"Pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) baharu terus meningkat dan ini boleh dilihat prestasi ekonomi pada segi suku

pertama dan kedua meningkat.

"Bank Negara juga menjangka suku ketiga nanti, prestasi terus meningkat dengan momentum lebih 5.0 peratus dikekalkan berdasarkan prestasi separuh tahun dari Januari hingga Jun, ekonomi dicatatkan 6.9 peratus," katanya.

Ismail Sabri berkata, beliau harap prestasi itu akan menyedarkan rakyat bahawa banyak fakta mengenai ekonomi negara dikelirukan pembangkang.

"Pembangkang sentiasa menyatakan orang mengadu ekonomi kita teruk tapi hakikat sebenar adalah sebaliknya," katanya.

Beliau turut menjelaskan dari segi perdagangan borong dan runcit, rekod baharu dicatatkan pada Mei lalu, nilai jualan borong dan runcit juga mencatatkan prestasi terbaik sejak 2013 dengan data terkini RM132.8 bilion untuk Jun 2022.

KDNK naik 8.9 peratus

Terdahulu dalam ucapan di majlis sama, Perdana Menteri berkata, dakwaan menyatakan ekonomi negara semakin tenat, adalah tidak benar kerana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara untuk suku kedua 2022, melonjak kepada 8.9 peratus.

"Di bawah Perdana Menteri dari Barisan Nasional (BN) ini, dibantu jentera BN, dididik dengan cara dan budaya BN yang mementingkan rakyat, insya-Alah, ekonomi Malaysia lebih terpelihara," katanya.

Katanya, satu lagi indikator adalah FDI yang mencatatkan angka rekod tertinggi pada Suku ke-4 2021 dengan RM26.7 bilion.

"Jumlah pelaburan FDI selama sembilan bulan sahaja adalah sebanyak RM74.1 bilion. Dalam tempoh sembilan bulan ini saja, kita sudah mengatasi jumlah FDI tahunan pada 2021, 2020, 2019 mahupun 2018.

"Maka janganlah kita termakan dengan dakwaan bahawa syarikat asing tidak minat lagi dengan Malaysia. Data menjadi saksi," katanya.

Kemas kini, koordinasi pangkalan data B40 elak ketirisan bantuan



Pensyarah Kanan Program Pengurusan Hartanah, Jabatan Pengajian Alam Bina dan Teknologi, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seri Iskandar

Oleh Dr Nor Aini Salleh
bhrencana@bh.com.my

Kesan pandemik COVID-19 dan bencana alam mewujudkan suasana ekonomi tidak menentu hingga impaknya menjejaskan semua pihak, terutama golongan tidak mempunyai punca pendapatan tetap.

Umumnya, kelompok masyarakat terjejas ini adalah dalam kalangan individu yang menjalankan perniagaan di gerai atau penjaja makanan dan minuman, selain mereka yang hanya menerima upah berdasarkan gaji harian.

Lebih menyedihkan ada juga graduan institusi pengajian tinggi (IPT) dan golongan muda yang baru memasuki alam pekerjaan terpaksa menerima tawaran kerja dengan gaji permulaan kurang RM1,500.

Tidak dinafikan banyak kemudahan disalurkan kerajaan dalam membantu golongan terjejas teruk akibat rantaian krisis ini atas dasar semangat Keluarga Malaysia seperti bantuan kewangan secara sekali beri, kemudahan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-Citra, Bantuan Khas COVID-19 (BKC), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan pelbagai inisiatif mesra rakyat lain.

Selain itu, kerajaan memperuntukkan RM4.6 bilion dalam bentuk Bantuan Kasih Rakyat (BKR) yang akan memanfaatkan 11 juta isi rumah. Pastinya, segala bentuk bantuan disalurkan ini sangat diperlukan dan dinantikan rakyat terjejas.

Kebanyakan proses pendaftaran maklumat permohonan perlu dibuat secara dalam talian. Sudah pasti, golongan sasar akan mengalami kesukaran akses kepada maklumat ingin disampaikan. Sebahagian golongan B40 dan miskin tegar tidak memiliki peranti atau komputer mempunyai akses internet bagi membolehkan mereka meneliti se-

gala maklumat bantuan disalurkan.

Bagaimanapun, mereka sentiasa berdepan cabaran untuk hidup, termasuk kenaikan harga barang tidak terkawal yang jelas menambahkan lagi kesukaran untuk menampung keperluan isi rumah seharian. Sudah pasti bantuan kerajaan amat diperlukan, tetapi amat mendukacitakan terdapat ketirisan terhadap peruntukan diberikan hingga penyaluran dan pembahagian bantuan tidak sampai.

Tuntut kerjasama strategik agensi

Faktor kewangan tidak menentu B40 dan miskin tegar ini sangat membimbangkan. Jelas, ia bukan sahaja menjejaskan ekonomi, malah mampu memberi impak negatif kepada kesihatan mental.

Dalam mendepani situasi ini, masyarakat Malaysia amat terkenal dengan sikap keprihatinan terhadap ahli masyarakat. Terdapat banyak usaha digerakkan secara persendirian dalam menyampaikan misi bantuan kepada golongan memerlukan ini. Kumpulan masyarakat ini berganding ba-

hu turun padang untuk mencari individu benar-benar layak untuk menerima bantuan.

Justeru, bagi memastikan ketelusan dalam menyampaikan bantuan kerajaan ataupun kumpulan sukarelawan, pengurusan maklumat golongan B40 serta miskin tegar perlu diurus dan dikoordinasikan dengan baik. Sudah tiba masanya, data golongan ini dikemas kini secara terperinci dan dianalisis sebaik mungkin oleh pihak pembuat dasar. Pengwujudan pangkalan data harus mengambil kira pihak menguruskan data ini dan aspek hak milik data dikutip ini.

Selain itu, aspek keselamatan maklumat dikongsi juga perlu ditekankan. Bukti kukuh seperti pengenalan diri daripada wakil terbabit sebelum sebarang maklumat disalurkan kepada mereka memerlukan data untuk tujuan penyaluran bantuan.

Untuk memantapkan agenda ini, kerjasama strategik agensi berkaitan amat perlu dilakukan bagi memastikan sistem pangkalan data ini dapat diurus dengan baik, berkualiti, cekap dan selamat.

Bantuan ini bukan hanya dari sudut makanan dan kewangan, bahkan pembangunan modal insan misalnya mewujudkan program bimbingan dari syarikat besar. Di samping itu, penyumbang juga boleh menyediakan modal bersesuaian dengan keperluan mereka.

Oleh itu, keperluan terhadap menyalurkan maklumat kepada badan tertentu misalnya pihak syarikat untuk melunaskan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyalurkan bantuan adalah perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Pangkalan data ini akan memudahkan pihak berkepentingan mengenal pasti lebih jelas keperluan diperlukan B40 dan miskin tegar. Sudah pasti, usaha ini dapat mengelakkan penyaluran bantuan kepada orang sama daripada pelbagai agensi.

Selain itu, pangkalan data ini juga dapat dijadikan rujukan dalam mengenal pasti pihak memberi bantuan dan bentuk bantuan diberikan.

“Sudah pasti bantuan kerajaan diperlukan, tetapi amat mendukacitakan terdapat ketirisan terhadap peruntukan diberikan hingga penyaluran dan pembahagian bantuan tidak sampai”

BH Isnin, 15 Ogos 2022

JPKM bantu lebih 20,000 pelajar ke IPT

Inisiatif kerajaan babit golongan B40 luar bandar dapat sambutan menggalakkan

Jelevu: Program Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia (JPKM) anjuran Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN) berjaya membantu lebih 20,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata inisiatif kerajaan dalam membantu pelajar daripada golongan B40 membabitkan penduduk luar bandar di beberapa Parlimen bagi melanjutkan pengajian itu, mendapat sambutan menggalakkan.

Beliau yang juga menteri mentor JPKM berkata, matlamat program itu untuk pelajar yang ada kelulusan (dalam peperiksaan) ditawarkan tempat di IPT awam atau swasta.

"Siri ketiga program kali ini bermula di daerah Jelevu ini dan difahamkan lebih 70 pelajar di sini diberikan surat tawaran bagi menyambung pengajian," katanya kepada pemberita di Kompleks UMNO Bahagian Jelevu, Simpang Pertang di sini, semalam.

Terdahulu Mahdzir berucap pada program JPKM Peringkat Parlimen Jelevu yang turut dihadiri Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias merangkap Ahli Parlimen Jelevu serta Ketua Pe-



Mahdzir menyampaikan sumbangan kepada pelajar ketika merasmikan program JPKM Parlimen Jelevu, semalam. (BERNAMA)

gawai Eksekutif PRIHATIN, Datuk Mohd Aizuddin Ghazali.

Mahdzir berkata, JPKM menyasarkan 50,000 pelajar lepasan SPM tahun 2016-2021 di 50 kawasan Parlimen untuk mendapat surat tawaran kemasukan ke IPT bagi melanjutkan pelajaran.

Beri peluang kedua

Sementara itu, Jalaluddin berkata, JPKM memberi manfaat dengan memberikan peluang kedua bagi anak Keluarga Malaysia melanjutkan pelajaran supaya dapat mengubah masa depan keluarga kepada lebih baik dan cemerlang. Dalam pada itu, menerusi prog-

ram itu pihak PRIHATIN turut menjalankan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) menerusi sumbangan cermin mata serta komputer riba kepada pelajar.

Program itu turut membabitkan 38 IPT, antaranya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kolej Universiti Poly-Tech Mara (KUPTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

BERNAMA

Galak alumni, industri salur dana tampung bakul makanan siswa

● Inisiatif 'atas ke bawah' berpotensi mengurangkan beban kewangan dihadapi siswa

● Penyediaan dapur bersama beri peluang pelajar memasak, kurangkan pengeluaran dana awam

● Sumber pendanaan perlu disalurkan secara berterusan bagi tampung kos operasi pengusaha kafeteria



Pensyarah Kanan di Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM)

Oleh Dr Mohd Zaidi Md Zabri
bhrencana@bh.com.my

Pada awal Julai lalu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad melalui Jawatankuasa Tindakan Sara Hidup Siswa Keluarga Malaysia melancarkan 'Food Basket Siswa Malaysia' dalam rangka usaha memantapkan tadbir urus serta kecekapan penyaluran bantuan kebajikan kepada siswa di institusi pendidikan tinggi (IPT).

Inisiatif bakul makanan ini satu daripada tujuh inisiatif dikemukakan jawatankuasa berkenaan antaranya ialah moratorium bayaran sewaan enam bulan kepada pengusaha kafeteria di kampus

IPT awam, pemerkasaan inisiatif bank makanan siswa dan penyelarasan kadar upah Program Job on Campus (JoC) dengan Perintah Gaji Minimum 2022.

Namun, inisiatif bakul makanan menawarkan Menu Keluarga Malaysia serendah RM3.50 ini bukan inisiatif asing bagi sesetengah siswa. Terdapat kes terdahulu sesetengah pengusaha kafeteria menyediakan menu bajet, contohnya nasi, satu jenis lauk dan sup atas inisiatif mereka sendiri.

Bagi sebuah negara mempunyai Indeks Jarak Kuasa (Power Distance Index atau PDI) yang tertinggi di dunia menurut Prof Emeritus Geert Hofstede, inisiatif sebegini usaha wajar dipuji demi penyelarasan.

PDI dibangunkan Hofstede digunakan secara meluas sebagai kayu ukur tahap yang mana ahli institusi dan organisasi kurang berkuasa menerima bahaya kuasa diagihkan secara tidak sama rata dan satu daripada implikasinya ialah negara kita mempunyai organisasi hierarki dengan struktur perintah dan kawalan agak tegar.

Berbalik kepada Menu Keluarga Malaysia, inisiatif 'atas-bawah' (*top-down*) ini berpotensi untuk mengurangkan beban kewangan sedang dihadapi siswa. Sebagai contoh, sebelum ini, harga Menu Keluarga Malaysia yang serupa mampu mencecah sehingga RM7 di sesetengah kampus.

Bantu ringankan beban siswa

Selain itu, inisiatif sebegini juga sangat membantu meringankan beban siswa dari keluarga B40. Sebagai contoh, setakat tahun ini, 70 peratus daripada mahasiswa di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan 60 peratus di Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah daripada keluarga berpendapatan B40.

Bermakna, melalui bajet serupa iaitu pada harga RM7 dan pengurangan harga sehingga 50 peratus, seorang mahasiswa boleh menjamu Menu Keluarga Malaysia sebanyak dua kali sehari.

Namun, setiap tindakan bakal menimbulkan kesan, terutama dari segi aspek subsidi kerana pemberian subsidi sifatnya bukan percuma.

Impak terbesar dihadapi pengusaha kafeteria ialah penyerapan kos. Bagaimanapun, penyerapan kos ini diimbangi melalui moratorium bayaran sewa selama enam bulan.

Meskipun begitu, apa bakal terjadi selepas tempoh moratorium enam bulan ini berakhir. Adakah pengusaha perlu menyerap 'subsidi' Menu Keluarga Malaysia lagi.

Mendepani permasalahan ini, inisiatif terbabit memerlukan elemen penambahbaikan, pertama, menetapkan standard lebih mantap. Sebagai mahasiswa, mereka sudah terbiasa dengan penggunaan rubrik pemarkahan sebagai penanda aras dalam mengerjakan tugas ilmiah mereka.

Justeru, usaha yang sama boleh dilaksanakan melalui penggunaan gambar penanda aras pada Menu Keluarga Malaysia. Di samping itu, pengusaha juga boleh menggunakan contoh sebenar menu disediakan dengan meletakkan pinggan diisikan lauk bernilai RM3.50 di atas.

Kedua, inisiatif sebegini boleh dilengkapi dengan daya usaha lebih lestari melalui penyediaan atau pemantapan kawasan dapur bersama demi memberikan peluang kepada pelajar untuk memasak.

Adakah pendekatan sebegini satu inisiatif lestari? Terdapat kaveat penting perlu diambil kira iaitu sumber pendanaan perlu dipastikan disalurkan secara berterusan terutama bagi menampung kos

operasi pengusaha kafeteria.

Dalam jangka masa sederhana dan panjang misalnya, kita boleh menggembelng usaha di antara pihak berkepentingan seperti alumni, industri mahupun sektor ekonomi ketiga untuk menampung dana bakul makanan siswa ini.

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat

Sebagai contoh, kita boleh meneroka potensi sinergi bersama-sama pembekal ayam berskala besar untuk bekalan ayam segar kepada pengusaha kafeteria pada harga kos melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Akan tetapi, sekiranya dihitungkan, inisiatif sebegini akan memanfaatkan sekitar 2.0 peratus daripada 30.2 juta Keluarga Malaysia atau sekitar 589,879 siswa di universiti awam (UA) pada 2021.

Justeru, bagaimana kita boleh memanjangkan inisiatif ini kepada Keluarga Malaysia memerlukan. Ruang fiskal terhad dihadapi kerajaan baru-baru ini dizahirkan melalui Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam. Justeru, kita memerlukan penyelesaian luar kotak melalui strategi laut biru.

Hampir setiap daerah di negara bertuah ini, terutama di Semenanjung mempunyai sekurang-kurangnya satu IPT awam. Ini termasuk UA, politeknik, kolej komuniti, institut pendidikan guru (IPG), kolej vokasional dan pelbagai jenis institut kemahiran.

Justeru, kita boleh menggembelng institusi pendidikan dan latihan ini untuk meluaskan inisiatif sebegini kepada penerima Skim Bantuan Kebajikan misalnya.

Melalui inisiatif Menu Keluarga Malaysia yang berskala lebih besar ini, kita bakal melengkapi bantuan diterima penerima dengan menu makanan panas.

Sekiranya inisiatif ini dilaksanakan melalui perancangan dan pelaksanaan jitu, ia bakal menjadi strategi serampang dua mata, mengatasi permasalahan murid bantut tumbesaran akibat ketidakcukupan makanan seperti dilaporkan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada 2018.

Setakat tahun ini, tujuh puluh peratus daripada mahasiswa di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan enam puluh peratus di Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah daripada keluarga berpendapatan B40

